

23/02/1998

Mengenal pasti pengacau dalam Umno

Sut

RABU lalu seorang pemimpin Umno yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) parti memberikan beberapa sebab beliau bertanding jawatan ketua Umno di sebuah bahagian.

Sebab-sebabnya itu ialah:

- \* Tindakannya itu demi kepentingan Umno;
- \* Umno Bahagian terbabit memerlukan perubahan;
- \* Berlaku banyak kepincangan dalam kepemimpinan bahagian sekarang;
- \* Kepincangan dalam kepemimpinan di bahagian itu memburukkan imej dan masa depan Umno; dan
- \* Sebahagian besar cawangan mendesak dilakukan perubahan dalam kepemimpinan bahagian.

Jika direnung dengan hati yang tenang tanpa sebarang prasangka memanglah alasan yang diberikan itu dilihat wajar serta munasabah. Tetapi jika hujah itu direnung secara mendalam dengan latar belakang yang jelas, selain mempertimbangkan fakta kedua-dua pihak, yang ingin mempertahankan jawatan dan yang ingin merebut jawatan, timbullah pelbagai keraguan yang akhirnya niat pihak yang ingin merebut jawatan adalah tidak wajar sama sekali.

Kenapa tidak wajar? Sebabnya ialah kerana demi perpaduan dan kemenangan Umno dalam pilihan raya akan datang, selain mematuhi nasihat Presiden dan keputusan MT yang tidak membenarkan ahli MT mencabar atau di cabar dalam kepemimpinan bahagian.

Alasan yang diberikan itu belum dibuktikan secara empirikal. Semua orang boleh menggunakan kelima-lima alasan itu untuk mewajarkan tindakannya. Dalam hal ini tidak ada satu bahagian pun yang tidak harus tidak bertanding. Natiujahnya tidak ada satu pun nasihat Presiden Umno yang menjadi panduan ahlinya. Dalam hal ini kesannya pada masa depan tentu amat buruk. Fenomena ini harus segera dihentikan. Tambah menghairankan ialah tindakan itu dilakukan selepas MT menetapkan anggota majlis (MT) tidak boleh mencabar dan dicabar dalam kepemimpinan bahagian.

Mempertimbangkan latar belakang itu apakah kewajaran ahli MT itu memberikan alasan untuk mewajarkan niatnya itu?

Semua orang tahu dan menerima hakikat pertandingan sedikit atau banyak meninggalkan kesan relatif agak lama. Dalam keadaan itu kalau diterapkan kepada kawasan pilihan raya dan hakikat menubuhkan parti, ialah untuk menang dalam pilihan raya. Hanya dengan kemenangan, sesuatu yang baik dapat dilakukan untuk rakyat. Dengan itu jelaslah niat tokoh terbabit untuk merebut jawatan ketua bahagian dalam pemilihan Mac ini adalah tidak wajar. Meminjam kata-kata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, jika ada tokoh seperti itu mereka mungkin apa yang dimaksudkannya sebagai pengacau dalam Umno.

Apakah pengacau dalam parti boleh dibiarkan berleluasa? Apa akan jadi dengan matlamat perjuangan parti jika Umno masih terus membiarkan adanya pengacau? Kita boleh menyatakan kita setia dan mencintai kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tetapi apalah maknanya sokongan dan kesetiaan kalau nasihat Dr Mahathir sebagai Presiden Umno tidak dipatuhi sebaliknya membantahnya secara diam atau terbuka.

Adalah satu hal yang amat ironis apabila kita melakukan sesuatu tindakan yang tidak disukai oleh orang yang kita cintai itu dengan alasan kononnya pelakuan kita kerana kita cintakan seseorang. Dalam suasana majoriti dalam pilihan raya bagi sesuatu kawasan pilihan raya adalah tinggi, kesan daripada pertandingan sesuatu jawatan, apatah lagi jawatan ketua bahagian

dalam parti, tidaklah begitu besar. Tetapi kalau kita lihat misalnya suasana di Kelantan, kesan pertandingan merebut jawatan dalam parti memberi kesan yang amat besar dalam pilihan raya.

Bayangkan, bagi satu kawasan pilihan raya majoriti kemenangan hanyalah antara 250 dan 500 undi. Bayangkan selepas ada pertandingan merebut jawatan dalam parti, perpaduan tetap terjejas. Kalaupun tidak berpecah kepada tiga atau empat golongan dan puak, sekurang-kurangnya berpecah kepada dua golongan. Perpecahan kepada dua golongan sudah cukup untuk memberi kesan kepada kekalahan dalam pilihan raya. Dalam keadaan majoriti hanya 250 atau 500 undi, bayangkan kalau 250 undi itu lari atau berpindah kerana sakit hati dan sebagainya kesan daripada perebutan dalam jawatan, siapakah yang rugi? Umno ataupun parti lawan yang untung? Inilah yang dikatakan pertandingan yang mengakibatkan kalah jadi abu, menang jadi arang.

Di Kelantan, sejarah menjadi bukti antara sebab kekalahan Umno dalam pilihan raya ialah kerana perpecahan dalaman dan bukannya kerana kekuatan lawan. Ini boleh dikatakan satu fakta yang diterima umum. Dalam keadaan demikian, kalau masih ada pertandingan, atau masih ada orang yang ingin merebut jawatan dalam parti dan sekali gus ingkar nasihat Presiden, maka pada hakikatnya orang itu sengaja memilih untuk melakukan perpecahan, kerana memang kalau ada pertandingan jawatan ketua bahagian, perpecahan tidak dapat dielakkan. Lebih lagi suasana di Kelantan tidak sama dengan negeri lain di Malaysia.

Demi menyelamatkan parti dan untuk kemenangan dalam pilihan raya banyak yang harus berkorban. Kepada mementingkan diri sesuatu mesti dilakukan ke atasnya oleh jawatankuasa disiplin parti.

(END)